

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
JABATAN LAUT SARAWAK ( JLS )

OLEH

KEMBU ANAK ZALI  
SARJANA MUDA PENGURUSAN ( MARITIM )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN MARITIM  
FAKULTI PENGAJIAN MARITIM DAN SAINS MARIN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM)

2006



# LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN LAUT SARAWAK (JLS)

DISEDIAKAN OLEH:

KEMBU ANAK ZALI (UK 8423)  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(MARITIM)

DISERAHKAN KEPADA:

TUAN HAJI ABDUL RAHIM IBRAHIM  
FAKULTI PENGAJIAN MARITIM DAN  
SAINS MARIN  
(KUSTEM)  
2006

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya **KEMBU ANAK ZALI (UK 8423)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4799** adalah hasil kerja saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan berkenaan.

Tandatangan

  
\_\_\_\_\_

KEMBU ANAK ZALI

Tarikh: 30/10/2006

Disahkan Oleh:

\_\_\_\_\_

TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN IBRAHIM,

Penyelia KUSTEM

b/p Penyelaras Program Maritim

Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin

KUSTEM

## PENGHARGAAN

Ucapan syukur kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnia dan berkatNya, pelatih berjaya menjalani Latihan Industri di Jabatan Laut Sarawak (JLS) dengan selamat tanpa sebarang musibah yang tidak diingini.

Sepanjang 12 minggu menjalani Latihan Industri di JLS, pelatih banyak menerima tunjuk ajar, sokongan padu, kerjasama serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman bersama kakitangan JLS. Pelatih juga diberi peluang untuk meluahkan pendapat serta diberi kesempatan untuk melaksanakan tugas sejajar dengan motif Latihan Industri tersebut.

Bantuan daripada beberapa pihak serta individu tertentu banyak membantu pelatih dalam membiasakan diri dengan latihan tersebut. Dengan kesempatan ini, pelatih berpeluang untuk menilai sendiri keupayaan dan kemampuan bukan sahaja dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan malah dapat membantu dalam mempertingkatkan lagi kebolehan berkomunikasi dengan pekerja lain.

Oleh itu, pelatih ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Haji Abdul Rahim bin Ibrahim sebagai Penyelia Kustem. Beliau merupakan individu yang banyak membantu dalam memberi tunjuk ajar dan bersusah-payah untuk memastikan pelatih mampu melaksanakan amanah dengan sempurna. Selain

itu, beliau juga banyak memberi sumbangan dalam menjayakan Laporan Latihan Industri ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Puan Wan Azura selaku Urusetia Sarjana Muda Pengurusan (Maritim). Beliau banyak membantu dalam beberapa aspek seperti menguruskan penempatan pelatih dalam organisasi (JLS) serta menyediakan borang yang diperlukan seperti Borang Permohonan Latihan Industri dan Borang Penilaian.

Dengan kesempatan ini, pelatih turut merakamkan ribuan terima kasih kepada JLS kerana sudi memberi peluang kepada pelatih untuk menjalankan Latihan Industri. Individu yang banyak membantu pelatih dalam menyempurnakan Latihan industri adalah Encik Raduan Serap yang bertindak sebagai penyelia organisasi kepada pelatih. Beliau banyak memberi pengetahuan dan tunjuk ajar yang sewajarnya kepada pelatih. Ucapan terima kasih juga ditujukan khas kepada Encik Hajemi dan Kapten Andrien kerana memberi kesempatan kepada pelatih mengikuti *fleet* jabatan di sepanjang sungai Sarawak. Sesungguhnya, ini merupakan pengalaman yang amat berharga dan tidak dapat dilupakan.

Tidak dilupakan, ribuan terima kasih ditujukan Encik Faizal bin Ahmad Fuad, Encik Cornel Joseph Miji, Encik Ajis Baseri, Encik James, Encik Trin Langgar, Encik Menari, Encik Zoromie dan Encik Irwan. Selain itu, ribuan terima kasih turut diucapkan kepada semua kakitangan JLS yang tidak dapat disenaraikan di

sini. Terima kasih di atas segala tunjuk ajar dan kerjasama tulus serta jasa kalian tetap dikenang.

Pelatih turut mengucapkan setinggi-tinggi ribuan terima kasih kepada keluarga tersayang kerana berusaha keras untuk memastikan pelatih berjaya melaksanakan Latihan Industri dalam keadaan selamat. Ribuan terima kasih kepada bapa saudara, Encik Mambang kerana bersusah-payah menolong dalam apa jua keadaan. Selain itu, pelatih merakamkan ribuan terima kasih kepada keluarga ibu saudara, Cik Melinie, Cik Roselind Bija, Encik Ricky, Encik Basing, Nenek dan Datuk, Encik Telajan serta isteri. Jasa kalian amat dihargai dan dikenang sepanjang hayat.

Ribuan terima kasih turut ditujukan khas kepada individu yang banyak membantu pelatih sepanjang Latihan Industri, memberi nasihat dan menemani pelatih dalam apa jua keadaan, Cik Christina Sendai Peter @ Eychek. Bakti dan nasihat beliau, pelatih jadikan iktibar.

Di samping itu, pelatih juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan, terutamanya Denis anak Sadit, Danny Paul Jigeh, Bejay Ugon, William Janda Peter, Magretta Watson, Jennifer Usun Balan, Shirley Maclaine Simoly, Franci Julop, Anne Marie Kaben, Cindy Wella, Mendon Rantai dan semua individu yang terlibat secara tidak langsung dalam penyediaan Laporan Latihan Industri ini.

Isi Kandungan

Muka Surat

<b>Bab 1:</b>	<b>Latar Belakang Organisasi</b>	
1.0	Pengenalan	1
1.1	Sejarah Jabatan Laut Sarawak	3
1.2	Maklumat Organisasi	6
1.3	Aktiviti Organisasi	11
1.4	Kemahiran Dipelajari	21
<b>Bab 2:</b>	<b>Mengesan Sistem Sedia Ada, Pengenalpastian Masalah, Cadangan Penyelesaian Masalah Serta Implikasi Cadangan</b>	
2.0	Pengenalan	27
2.1	Sistem Penyelenggaraan Kapal Jabatan (Pembaikan)	28
2.1.1	Objektif	28
2.1.2	Carta Aliran Sistem Penyelenggaraan Kapal Jabatan	29
2.1.3	Prosedur Sistem Penyelenggaraan Kapal Jabatan	30
2.1.4	Pengenalpastian Masalah Sistem	40
2.1.5	Cadangan Penyelesaian Masalah dan Pelaksanaannya	42
2.1.6	Implikasi Cadangan	44
2.2	Sistem Permohonan Nama Kapal	45
2.2.1	Objektif	45
2.2.2	Carta Aliran Sistem Permohonan Nama Kapal	46
2.2.3	Prosedur Sistem Permohonan Nama Kapal	47
2.2.4	Pengenalpastian Masalah Sistem	50
2.2.5	Cadangan Penyelesaian Masalah dan Pelaksanaannya	53
2.2.6	Implikasi Cadangan	54
2.3	Sistem Pendaftaran Kapal Tetap	55
2.3.1	Objektif	55
2.3.2	Carta Aliran Sistem Pendaftaran Kapal Tetap	56
2.3.3	Prosedur Sistem Pendaftaran Kapal Tetap	57
2.3.4	Pengenalpastian Masalah Sistem	60
2.3.5	Cadangan Penyelesaian Masalah dan Pelaksanaannya	62
2.3.6	Implikasi Cadangan	63
<b>Bab 3</b>	<b>Penutup</b>	<b>64</b>
	<b>Rujukan</b>	<b>67</b>
	<b>Lampiran</b>	<b>68</b>



## SENARAI SINGKATAN

JLS	-Jabatan Laut Sarawak
KPP (HEPP)	-Ketua Penolong Pengarah, Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan.
KPP (PK)	-Ketua Penolong Pengarah, Pejabat Kawasan.
PP	-Penolong Pengarah.
PL	-Pegawai Laut.
PO	-Purchase Order.
PPL	-Penolong Pegawai Laut.
PD	-Penyelaras Dek.
JEL	-Juruenjin Laut.
PP (PK)	-Penolong Pengarah, Pejabat Kawasan.
PPL (PK)	-Penolong Pegawai Laut, Pejabat Kawasan.
PJL (PK)	-Penolong Jurutera Laut, Pejabat Kawasan.
JL	-Jurutera Laut.

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
Rajah 1.1:	Carta Organisasi Jabatan Laut Sarawak	10
Rajah 1.2:	Carta Aliran Sistem Penyelenggaraan Kapal Jabatan	29
Rajah 1.3:	Carta Aliran Sistem Permohonan Nama Kapal	46
Rajah 1.4:	Senarai Permohonan Tergantung di Malaysia	51
Rajah 1.5:	Carta Aliran Sistem Pendaftaran Kapal Tetap	56

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran 1 -Borang Laporan Kerosakan dan Permohonan Pembaikan Bagi Kapal-kapal Jabatan (PO-JLS-HEPP-02-01).

Lampiran 2 -Borang Pesanan Pembelian Barang-barang/Perkhidmatan (PO-JLS-HEPP-02-02).

Lampiran 3 -Borang Skop Kerja dan Anggaran Kos (PO-JLS-HEPP-02-04).

Lampiran 4 -Borang Perakuan Penerimaan Kerja-kerja Penyelenggaraan yang Disempurnakan oleh Kontraktor (PO-JLS-HEPP-02-05).

Lampiran 5 -Borang Rekod Doking dan Pembaikan Bahagian/Kawasan (PO-JLS-HEPP-02-06).

Lampiran 6 -Borang Penilaian Harga (Cost Query) Untuk Penyelenggaraan Kapal (PO-JLS-HEPP-02-07).

Lampiran 7 -Borang Permohonan Nama Kapal.

Lampiran 8 -Sijil Kebenaran Menggunakan Nama Kapal.

Lampiran 9 -Borang Permohonan Untuk Mendaftar Kapal.

Lampiran 10 -Borang Lantikan/Pembatalan Pegawai yang Dibenar.

Lampiran 11 -Borang Marin M255-Pin 1/99.

Lampiran 12 - Borang Marin M256-Pin 1/99.

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri (LI) merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam program Pengurusan Maritim di Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (terdahulunya di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi), KUSTEM. Melalui LI, pelajar ditempatkan di agensi awam atau swasta di mana pelajar berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung suatu bidang pekerjaan. Pada masa yang sama, pelajar juga berpeluang mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah agensi. Tempoh LI untuk program Pengurusan Maritim adalah selama 12 minggu.

Organisasi yang terpilih untuk melatih menjalankan LI adalah Jabatan Laut Sarawak (JLS), Kuching. JLS ditubuhkan pada tahun 1960-an dan merupakan salah satu Jabatan dalam Kementerian Pengangkutan Malaysia. JLS terdiri daripada tiga buah kawasan iaitu Sarawak Barat, Sarawak Tengah dan Sarawak Timur. Secara keseluruhannya, JLS mempunyai kakitangan seramai lebih 500 orang manakala JLS Kuching mempunyai kira-kira 250 orang kakitangan. JLS Kuching terbahagi kepada lima Bahagian utama iaitu Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan, Bahagian Keselamatan Pelayaran, Bahagian Hidrografi dan Kartografi, Bahagian Kawalan Industri dan Bahagian Pentadbiran Am.

Sepanjang LI pelatih dikehendaki menganalisis sistem kerja JLS dan menyediakan laporan LI tentang sistem kerja tersebut. Selain itu, pelatih turut mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh sistem kerja tersebut dan menilai implikasi ke atas cadangan yang diberi.